



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

“SEMINAR KOPERASI DAN SESI DIALOG BERSAMA USAHAWAN KOMUNITI INDIA”

KELANA JAYA, 30 September 2023 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah menganjurkan Seminar Koperasi dan Sesi Dialog bersama Usahawan Komuniti India pada hari ini bertempat di Dewan Auditorium ANGKASA, Wisma Ungku Aziz, Kelana Jaya, Selangor. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Senator Saraswathy Kandasami.

Menurut YB Senator Saraswathy, penganjuran seminar koperasi dan sesi dialog ini bertujuan untuk memberi pendedahan, meningkatkan kesedaran dan kefahaman koperator mengenai kawal selia dan tadbir urus, pembangunan dan halatuju perniagaan serta pembangunan kapasiti koperasi. Sebanyak 93 buah koperasi yang diwakili oleh 190 koperator dan pengurusan koperasi komuniti India seluruh negara telah menyertai seminar koperasi manakala 306 usahawan dan koperator komuniti India telah menghadiri sesi dialog usahawan.

Program sehari ini merangkumi pelbagai slot seminar yang disampaikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) serta dialog keusahawanan bersama YB Senator Saraswathy disertai wakil-wakil agensi KUSKOP dan ANGKASA dengan peserta usahawan dan koperasi komuniti India. Melalui slot seminar dan sesi dialog ini, para peserta telah didedahkan dengan sebanyak mungkin maklumat berkaitan peluang pembangunan koperasi dan keusahawanan serta sebagai platform interaksi secara terus dengan pengurusan kementerian dan agensi bagi memberi maklum balas, input dan pandangan serta penjana idea baharu.

Selain itu, kaunter perkhidmatan agensi juga turut dibuka bagi membolehkan peserta program mendapatkan khidmat nasihat berhubung kemudahan, bantuan dan dana pembiayaan yang disediakan agensi-agensi di bawah KUSKOP. Kemudahan kaunter perkhidmatan ini boleh dimanfaatkan oleh usahawan dan koperator komuniti India dalam usaha mengembang dan memperkukuhkan aktiviti perniagaan.

YB Senator Saraswathy percaya bahawa banyak input dan pandangan yang diperolehi daripada pihak usahawan, koperasi dan agensi pelaksana dapat dimanfaatkan untuk penambahbaikan dan kemajuan keusahawanan komuniti India di negara ini.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI